



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 SEPTEMBER 2016

PRIBUMI, JERAT

um - 11/9/2016

DI sebalik tohmahan bahawa kerajaan akan menolak permohonan Parti Pribumi Bersatu Malaysia konon takut pengaruhnya nanti, ternyata ia sama sekali meleset.

Permohonan Parti Pribumi telah diluluskan pendaftarannya dan kini sah sebagai parti politik di tanah air ini.

Maka muncullah satu lagi parti serpihan UMNO yang digerakkan oleh mantan Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi, Muhyiddin Yassin sebagai Presiden dan Mukhriz Mahathir sebagai Timbalan Presiden.

Kini sempadan politik lebih jelas, memudahkan lagi percaturan Barisan Nasional (BN) dan UMNO menangani Parti Pribumi. Pada Awang, adalah kurang bijak untuk ambil mudah kemunculan parti baharu itu. Namun realitinya setakat ini, ia tidak mendapat sambutan masyarakat sebagaimana yang dialami oleh PAN, iaitu parti serpihan Pas. Sejarah telah membuktikan UMNO berpengalaman luas berdepan ancaman parti-parti serpihan.

Ekoran kelulusan pendaftaran Parti Pribumi, parti itu merayu kerjasama dan sokongan pakatan pembangkang terutamanya DAP, PKR dan PAN. Nasib Pribumi bergantung kepada belas ihsan Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Penasihat PKR, Anwar Ibrahim. Kedua-duanya pernah menjadi musuh utama Mahathir, mahupun sebaliknya. Dalam keghairahan Dr. Mahathir mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Najib Tun Razak, UMNO dan BN, mantan Perdana Menteri itu mendedahkan nyawa politik dan pergerakannya kepada risiko sangat besar jika

diterima dalam pakatan itu. Tidur sebantol, mimpi lain-lain, begitu juga memori dendam kesumat yang tidak mungkin dilupakan. Parut dan traumanya bukan sedikit.

Tidur sebantol, mimpi lain-lain, begitu juga memori dendam kesumat yang tidak mungkin dilupakan. Parut dan traumanya bukan sedikit. Awang tidak pasti siapa yang akan terkulai dalam muslihat dan jerat politik.

APA SELEPAS INI?

um - 11/9/2016

SELEPAS mengadakan pertemuan mengejut dengan Penasihat PKR, Anwar Ibrahim di mahkamah baru-baru ini, apa lagi yang akan dilakukan oleh Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam apa yang dilihat sebagai satu lagi tindakan terdesak, pertemuan itu menjadi viral namun reaksi orang ramai termasuk orang muda hambar.

Malah ia ditafsir pelbagai. Demi mahu menumbangkan Perdana Menteri, Najib Tun Razak, Dr. Mahathir seolah-olah memohon maaf kepada bekas timbalan perdana menteri itu kerana menjatuhkannya. Secara tiba-tiba juga boleh berkompromi dengan isu akhlak yang membawa Anwar ke penjara. Satu lagi bukti matlamat menghalalkan cara gaya politik Dr. Mahathir.

Sebelum ini, Dr. Mahathir sanggup bekerjasama dengan Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang sejarah

kedua-duanya saling menjijikkan antara satu sama lain. Beliau turut mengutuskan orang kanannya untuk mengundang campur tangan Amerika Syarikat (AS) dalam isu

1MDB. Kerap kali semasa berkuasa dan selepas bersara, beliau mengecam Anwar mengkhianati negara kerana mengundang campur tangan asing.

Ramai masih ingat, Dr. Mahathir juga pernah menyertai perhimpunan haram Bersih yang dikuasai DAP dan membuat pelbagai kenyataan provokasi termasuk mendakwa Yang di-Pertuan Agong dikenakan kurungan dalam istana. Beberapa tuduhan beliau membabitkan jumlah kerugian dan kehilangan 1MDB akhirnya ternyata tidak benar tetapi tiada kenyataan maaf.

Banyak lagi tindak-tanduk Dr. Mahathir yang tidak keruan dan dengan perlahan menggugat kewibawaannya lalu menghakis pengaruhnya sendiri. Beliau sudah hilang elegan dalam pendekatan dan percaturannya pula asyik tidak menjadi.



GAMBAR pertemuan Anwar dan Mahathir yang menjadi viral.